



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

**PENYERTAAN JULUNG KALI KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN
MAKANAN DALAM PAMERAN THE FINE FOOD NEW ZEALAND 2025
PADA 29 JUN - 1 JULAI 2025**

AUCKLAND, 5 JULAI 2025 - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah membuat penampilan pertama di pameran perdagangan ***The Fine Food New Zealand 2025 (FFNZ25)*** bertempat di Auckland Showground, New Zealand, yang berlangsung dari 29 Jun hingga 1 Julai 2025. Pavilion Malaysia bertemakan "***Taste of Malaysia***" telah dirasmikan oleh Puan Yang Terutama (PYT) Mazita Marzuki, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand, pada 29 Jun 2025. Turut sama menyertai majlis perasmian tersebut ialah Encik Abdul Rashid bin Bahri, Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan YB Dato' Salbiah binti Mohamed, EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan Pembangunan Usahawan Negeri Perak.

Penyertaan ke pameran perdagangan antarabangsa ini di bawah Pavilion Malaysia telah menampilkan lapan (8) syarikat dari Malaysia yang berjaya memperkenalkan 125 produk ke pasaran New Zealand. Produk-produk agromakanan yang diperkenalkan termasuklah produk berasaskan durian, kek lapis Sarawak, biskut, produk buah-buahan kering beku (*freeze-dried*), produk kesihatan, ikan sejuk beku, produk minuman dan produk berasaskan nanas. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri Perak juga turut membawa empat (4) usahawan bagi menyertai FFNZ25.

Pameran ini telah mendapat sambutan luar biasa daripada pengunjung setempat dengan menampilkan pelbagai aktiviti dan sesi persampelan makanan yang menarik perhatian ramai. Melalui program ini, sebanyak 156 pertanyaan perniagaan telah diperoleh dengan nilai potensi perdagangan sebanyak RM34.36 juta berjaya diraih,

serta potensi nilai perdagangan sebanyak RM100 juta untuk tempoh tiga tahun akan datang.

KPKM bersama Suruhanjaya Tinggi Malaysia di New Zealand dan ASEAN New Zealand Business Council telah menganjurkan ***Business Networking Reception 2025*** yang disertai lebih 60 pengeksport dari Malaysia dan pengimport dari New Zealand. PYT Mazita Marzuki, dalam ucapannya memaklumkan bahawa, "Produk agromakanan Malaysia bukan sahaja sedap tetapi juga berkualiti tinggi dan mampu memenuhi permintaan pasaran di New Zealand." Selain itu, Ketua Pengarah FAMA turut memaklumkan bahawa, "Pavilion Malaysia turut mempromosikan ***Malaysia's Best*** sebagai penjenamaan nasional bagi produk agromakanan yang berkualiti tinggi dan premium untuk menembusi pasaran baharu seperti di New Zealand."

Hubungan perdagangan antara Malaysia dan New Zealand adalah teguh dan dinamik, di mana ianya disokong melalui penglibatan dalam empat (4) Perjanjian Perdagangan Bebas. Selain mempromosikan produk-produk makanan, pavilion Malaysia turut mempromosikan tahun melawat Malaysia 2026.

Berdasarkan dapatan daripada penyertaan usahawan dalam FFNZ25, terdapat permintaan tinggi terhadap produk agromakanan Malaysia di pasaran New Zealand kerana kualiti produk yang premium, keunikan rasa dan menepati cita rasa masyarakat tempatan. Justeru, KPKM komited untuk terus menyokong usahawan tempatan meneroka pasaran antarabangsa, khususnya di New Zealand, sekaligus meningkatkan ekonomi negara.

PEJABAT PERWAKILAN PERTANIAN SYDNEY

5 JULAI 2025

